

'Cadangan khusus berniaga atas talian'

Subang: Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan, menjelaskan cadangannya kepada rakyat melakukan dua pekerjaan adalah khusus kepada perniagaan atas talian.

Katanya, kontroversi yang timbul susulan kenyataannya di Johor Bahru pada Sabtu lalu itu berikutan salah tafsir oleh media sosial mengenai cadangannya itu, sekali gus menimbulkan kemarahan dan kekeliruan sesetengah orang.

"Cadangan saya hanya menjurus kepada mereka yang memiliki pekerjaan, namun berminat mempunyai pendapatan sampingan, boleh membabitkan diri dalam perniagaan atas talian dan jika tidak berminat tak apa, tak perlu marah saya.

Jangan tersilap tafsir

"Jangan tersilap tafsir cadangan asal, saya tak sebut kerajaan menetapkan dasar tertentu, menyeru atau apa-apa, ini sekadar cadangan memandangkan perniagaan atas talian adalah trend masa kini.

"Cadangan saya ikhlas untuk membantu rakyat meringankan beban sara hidup, satu daripada puluhan cara, bukan nak susahkan rakyat," katanya pada sidang media selepas melawat ibu pejabat Systematic Aviation Sdn Bhd di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi memperjelaskan kenyataannya yang mencadangkan rakyat mendapatkan pekerjaan kedua bagi meringankan beban kenaikan kos sara hidup, namun mendapat kritikan orang ramai di media sosial.

Kepada mereka yang memiliki pekerjaan, namun berminat mempunyai pendapatan sampingan, boleh membabitkan diri dalam perniagaan atas talian"

Ahmad Maslan,
Timbalan Menteri
Perdagangan
Antarabangsa dan
Industri

Guna internet jadi platform berniaga

Ahmad berkata, orang ramai perlu mengambil kesempatan menggunakan internet sebagai platform meringankan kos sara hidup berbanding menyebarkan berita tidak benar.

"Tayar basikal pancit tepi jalan pun salah UMNO, itu kerja mereka (sebar fitnah) di internet dari jam 8 malam hingga 2 pagi, alangkah baiknya kalau mereka buat perniagaan atas talian," katanya.

Terdahulu, Ahmad turut melancarkan perkhidmatan udara KL Sky Tour kendalian SAS yang bakal menjadi tarikan pelancongan baharu di ibu negara.

Perkhidmatan kendalian syarikat Bumi-putera, itu memberi peluang kepada pengunjung melawat Kuala Lumpur melalui udara dengan menaiki helikopter atau pesawat ringan.